



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221502 dan 010302 yang mana tempoh pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa. Butiran Sebut Harga adalah seperti berikut:

Tajuk Sebut harga/ No.Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Buka	Tarikh Tutup
Tajuk Sebut harga: Perkhidmatan Sewaan LED Screen Di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis Dan Dewan Gunasama, Kompleks Seri Putra Untuk Majlis Dan Program Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan No.Sebut harga: SUK.Ps.SULIT 6-S/2026	221502 (Perkhidmtan/Penyewaan Dan Pengurusan/Mesin Dan Peralatan Pejabat) atau 010302 (Penerbitan Dan Penyiaran/ Peralatan Penerbitan/Percetakan/ Peralatan Sistem, Pembesar Suara Dan Projektor)	14 April 2026 (Selasa)	28 April 2026 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara **tanpa tunai** melalui portal ebayar.perlis.gov.my kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Unit Kewangan). **Bayaran tidak akan dikembalikan.**
3. Dokumen diedarkan sepanjang tempoh iklan sebut harga di Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 4, Blok A, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis pada waktu pejabat **mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**
4. Hanya satu (1) dokumen sahaja yang dikeluarkan kepada setiap penyebut harga yang mematuhi syarat. Sila bawa bersama:
- Resit bayaran;
 - Kad pengenalan;
 - Sijil dokumen asal; dan
 - Cap rasmi syarikat
5. Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di atas **sebelum atau pada 28 April 2026 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.** Dokumen yang lewat dikemukakan atau tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan.**
6. Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini boleh diajukan kepada:

Urus Setia Sebut Harga

:04-973 8920/04-9738870

